


PENYAKIT MEASLES (DEMAM CAMPAK) DAN VAKSIN MEASLES RUBELLA (MR)

UNTUK ORANG AWAM



1 Apakah itu penyakit measles (demam campak) dan rubella?

Penyakit measles dan rubella adalah merupakan penyakit berjangkit. Penyakit measles atau demam campak disebabkan oleh virus measles manakala penyakit rubella disebabkan oleh virus rubella.

2 Bagaimanakah demam campak merebak?

Penyakit demam campak ini merebak melalui titisan kecil air liur dan titisan hidung yang terpercik semasa seorang pesakit batuk, bersin dan bercakap. Selain itu, virus ini juga boleh tersebar apabila seseorang menyentuh permukaan yang tercemar dengan titisan air liur atau titisan hidung pesakit.

3 Kenapakah penyakit measles (demam campak) ini berbahaya?

Penyakit demam campak ini berbahaya kerana:

1. Penyakit ini mudah berjangkit. Sekiranya satu orang dijangkiti, ia boleh menjangkiti 12 - 18 orang disekelilingnya.
2. Penyakit ini boleh menyebabkan komplikasi yang teruk dan kematian terutamanya kepada bayi, kanak-kanak kecil, wanita hamil dan individu yang mempunyai sistem imun lemah.
3. Tiada rawatan khusus untuk measles, rawatan hanya untuk mengurangkan gejala dan mencegah komplikasi.

4 Bagaimana seorang pesakit boleh menjangkiti individu lain?

Individu yang dijangkiti adalah **berjangkit dari kira-kira 4 hari sebelum hingga 4 hari selepas** ruam muncul, dimana dalam tempoh ini mereka boleh menyebarkan jangkitan kepada orang lain.

5 Apakah gejala (demam campak)?

Gejala campak biasanya muncul **7 hingga 14 hari** selepas seseorang dijangkiti virus. Tempoh ini dikenali sebagai **tempoh inkubasi**. Berikut adalah garis masa perkembangan gejala:

Hari 0-7 (tempoh inkubasi):

- Semasa tempoh inkubasi, virus sedang membiak dalam badan tetapi pesakit tidak mempunyai gejala penyakit.

Hari 7-10:

- Gejala awal mula muncul:
 - o Demam (selalunya tinggi, $\geq 38.3^{\circ}\text{C}$)
 - o Batuk
 - o Hidung berair
 - o Mata merah dan berair (konjunktivitis)
 - o Letih dan tidak bermaya

Hari 10-12:

- **Tompok Koplik** mungkin kelihatan di dalam mulut (tompok putih kecil dengan latar merah, di bahagian dalam pipi).

Hari 12-14:

- **Ruam campak yang khas** akan muncul:

- o Bermula di muka dan belakang telinga
- o Menyebar ke dada, tangan, dan kaki
- o Biasanya berlangsung selama 5-6 hari dan akan pudar mengikut urutan yang sama

6 Apakah komplikasi penyakit measles (demam campak)?

Komplikasi demam campak boleh berlaku semasa atau selepas jangkitan. Ianya dikategorikan sebagai komplikasi ringan atau serius, dan lebih kerap berlaku dalam kumpulan berisiko tinggi seperti bayi, wanita hamil, individu dengan imuniti lemah, dan kanak-kanak yang kurang zat makanan. Berikut adalah komplikasi yang biasa berlaku

- Jangkitan telinga yang boleh menyebabkan pekak
- Radang otak (*encephalitis*)
- Sawan
- Kematian
- Radang paru-paru (*pneumonia*)
- Jangkitan mata merah, bengkak dan lelehan berair atau nanah yang boleh menyebabkan buta

7 Siapakah golongan yang berisiko mendapat penyakit measles (demam campak)?

Golongan yang berisiko mendapat jangkitan ini adalah bayi berumur kurang setahun, kanak-kanak yang tidak mendapat imunisasi atau tidak mendapat imunisasi yang lengkap atau sesiapa sahaja yang belum pernah mendapat demam campak.

8 Apakah kadar kebolehjangkitan (R_0) penyakit measles (demam campak)?

Kadar keberjangkitan measles dipanggil sebagai R_0 iaitu anggaran bilangan **individu yang boleh dijangkiti** oleh **seorang pesakit** dalam populasi. Kadar kebolehjangkitan penyakit measles (R_0) adalah 12-18, bermaksud seorang pesakit demam campak boleh menjangkiti 12 hingga 18 orang di sekelilingnya dalam pada satu- satu masa.

9 Bagaimanakah risiko penyakit measles (demam campak) boleh dicegah atau dikurangkan?

Pencegahan penyakit measles berlaku dalam beberapa keadaan:

- i. Vaksinasi merupakan kaedah pencegahan yang paling berkesan. Seorang kanak-kanak boleh dilindungi daripada jangkitan measles apabila menerima 2 dos vaksin MMR pada usia 9 dan 12 bulan seperti saranan Jadual Imunisasi Kebangsaan.
- ii. Kanak-kanak yang tidak layak menerima vaksin MMR bergantung kepada perlindungan daripada **imuniti kelompok** (herd immunity). Perlindungan kelompok terhadap jangkitan measles hanya berlaku apabila **95% daripada populasi** dalam sesebuah komuniti telah menerima vaksin.
- iii. Mengelakkan diri daripada berada di tempat yang sesak serta menitik beratkan amalan kebersihan seperti amalan mencuci tangan yang betul, etika batuk & bersin yang betul dan pemakaian pelitup muka.

10 Apakah jenis vaksin yang digunakan dalam Program Imunisasi Kebangsaan untuk mencegah measles?

Berdasarkan Jadual Imunisasi Kebangsaan, KKM menawarkan vaksin mengandungi measles dalam bentuk kombinasi MMR (Measles - Mumps - Rubella) bagi kanak-kanak berusia 9 dan 12 bulan. Selain dari mencegah penyakit measles, vaksin MMR juga mencegah jangkitan beguk (mumps) dan rubella. Sebagai perlindungan tambahan di negeri Sabah, kanak-kanak berusia 6 bulan diberikan satu dos vaksin monovalen measles.

11 Apakah vaksin yang akan digunakan semasa Program MR SIA?

Semasa tempoh program, Kementerian Kesihatan akan menggunakan dua jenis vaksin mengandungi measles untuk kanak-kanak berusia 6 hingga 59 bulan.

- a. Kanak-kanak yang berusia 9 dan 12 bulan semasa tempoh ini akan diberikan vaksin MMR selaras dengan jadual imunisasi mereka
- b. Selain itu, kanak-kanak lain yang layak akan menerima vaksin MR dalam tempoh program.

12 Bagaimana vaksin MMR/MR diberi?

Satu dos vaksin MMR/MR akan disuntik di otot bahagian paha atau lengan seorang kanak-kanak.

13 Apakah itu vaksin MR?

Vaksin MR adalah vaksin kombinasi yang diperuntukkan untuk **Aktiviti Imunisasi Tambahan Measles & Rubella (MR SIA)** yang memberi perlindungan terhadap penyakit measles (demam campak) & penyakit rubella.

14 Apakah perbezaan antara vaksin MMR yang digunakan dalam Program Imunisasi Kebangsaan dan vaksin MR yang digunakan dalam kempen ini?

- Vaksin MMR yang digunakan dalam Program Imunisasi Kebangsaan adalah vaksin kombinasi 3 dalam 1 yang memberi perlindungan kepada penyakit demam campak (measles), beguk (mumps) dan rubella. Vaksin MMR diberikan sebanyak dua (2) dos iaitu dos pertama pada umur 9 bulan dan dos kedua pada umur 12 bulan.
- Vaksin MR yang digunakan dalam kempen ini adalah vaksin kombinasi Measles dan Rubella yang memberi perlindungan **tambahan** terhadap penyakit measles (demam campak) dan rubella.

15 Berapakah dos vaksin MR yang akan diberikan kepada kanak-kanak yang layak?

Hanya satu (1) dos sahaja yang diberikan kepada kanak-kanak yang layak sepanjang tempoh kempen dilaksanakan.

16 Apakah hukum pengambilan vaksin MR?

Penggunaan vaksin dalam program imunisasi bagi mengelak bahaya penyakit-penyakit yang berkenaan adalah **diharuskan** oleh syarak selaras dengan kaedah Fiqhiyyah iaitu:

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya, "Menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan".

Penerangan lanjut mengenai hukum pengambilan vaksin ini boleh dibaca di:

<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/2069-30>

17 Apakah bahan-bahan yang terdapat dalam vaksin MR?

Vaksin MR mengandungi antigen iaitu virus measles dan rubella yang telah dilemahkan. Vaksin ini tersedia dalam bentuk serbuk terliofil (lyophilised) dan akan dicampurkan dengan pelarut (air yang telah disterilkan) sebelum disuntik. Vaksin ini juga mengandungi penstabil bagi memastikan virus yang dilemahkan itu kekal stabil dan berkesan semasa dalam tempoh penyimpanan sebelum disuntik. Maklumat berkaitan produk vaksin ini boleh diperolehi melalui laman sesawang NPRA.

www.npra.gov.my > consumer > product search

18 Adakah vaksin MR mengandungi metal?

Secara umumnya, vaksin measles dan rubella tidak mengandungi merkuri (thimerosal) yang digunakan sebagai bahan pengawet atau aluminium yang digunakan sebagai adjuvan.

19 Adakah vaksin MR mengandungi sumber haiwan?

Bahan bersumberkan haiwan hanya digunakan dalam proses pengilangan sahaja dan telah menjalani proses purifikasi (purification) bagi memastikan ianya tidak dikesan dalam produk akhir.

20 Adakah vaksin MR ini selamat?

Secara umumnya, vaksin measles dan rubella adalah selamat untuk diberikan. Walau bagaimanapun, seperti ubatan dan vaksin yang lain, penerima vaksin MR juga mempunyai risiko mendapat kesan *advers*. Majoriti penerima vaksin ini hanya mengalami kesan *advers* yang ringan seperti reaksi pada tempat suntikan, demam, ruam dan kegatalan pada kulit. Kebiasaannya kesan *advers* sebegini boleh sembuh dalam jangka masa yang singkat dengan atau tanpa rawatan. Tidak dapat dinafikan ada sebilangan kecil penerima vaksin yang mengalami kesan *advers* yang serius. Akan tetapi, risiko mendapat kesan *advers* yang serius ini adalah jauh lebih rendah berbanding risiko komplikasi serius akibat dijangkiti penyakit demam campak dan rubella.

Secara keseluruhannya, tren pelaporan AEFI bagi vaksin Measles Rubella (MR) yang diterima oleh NPRA tidak jauh berbeza dengan apa yang dilaporkan oleh negara-negara rujukan regulatori yang lain. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan sehingga kini, perbandingan manfaat-risko (benefit over risk) pemberian vaksin ini kekal positif memandangkan tiada isu keselamatan yang dikaitkan dengan penggunaan vaksin MR sama ada di peringkat tempatan ataupun global.

21 Adakah vaksin MR ini menyebabkan kesan sampingan?

Seperti ubat-ubatan dan vaksin lain juga, vaksin MR boleh menyebabkan kesan sampingan. Namun begitu, majoriti kesan tersebut adalah ringan, tidak memudaratkan dan lazimnya sembuh tanpa/atau memerlukan rawatan. Kesan sampingan yang biasa berlaku dengan vaksin MR adalah:

- Reaksi pada tempat suntikan seperti sakit, bengkak dan kemerahan
- Demam ringan
- Ruam pada kulit yang tidak menyebabkan jangkitan
- Kelesuan
- Sakit otot/sendai

22 Adakah kandungan vaksin akan memberi kesan sampingan sekiranya mengamalkan pengambilan perubatan tradisional?

Tiada data yang menyatakan terdapat kesan sampingan apabila menerima vaksin dan mengamalkan perubatan tradisional.

23 Mengapakah anak saya perlu mengambil lagi imunisasi tambahan untuk measles (demam campak) ini walaupun sudah menerimanya sebelum ini?

Terdapat peningkatan kes dan wabak demam campak dan rubella dalam negara. Kanak-kanak berisiko tinggi untuk dijangkiti penyakit ini kerana sistem daya lawan jangkitan (imuniti) mereka yang lebih lemah berbanding orang dewasa. Oleh itu, vaksin membantu menguatkan imuniti badan mereka.

Pengambilan imunisasi tambahan MR ini adalah untuk memberi **perlindungan tambahan** kepada kanak-kanak tersebut bagi mengurangkan risiko mendapat jangkitan serta menyebabkan komplikasi yang teruk.

24 Anak saya sihat dan kuat. Mengapa perlu diberi imunisasi tambahan?

Walaupun anak sihat dan kuat tapi tiada kepastian mereka akan sentiasa bebas daripada dijangkiti penyakit cegahan vaksin. Penyakit boleh menjangkiti seseorang tanpa disangka. Sekiranya kanak-kanak telah diberi imunisasi tambahan, mereka akan mendapat perlindungan tambahan daripada penyakit cegahan vaksin tersebut.

25 Adakah vaksin tambahan ini akan memberi perlindungan 100% kepada anak saya?

Keberkesanan vaksin bukan 100%. Tindak balas tubuh seseorang terhadap kemungkinan vaksin adalah berbeza-beza dan terdapat sesetengah orang tidak menghasilkan tindak balas imun. Hasilnya individu seperti ini tidak dilindungi dengan berkesan.

26 Siapakah yang layak menerima vaksin MR ini?

Kanak-kanak berusia 6 hingga 59 bulan dari kohort kelahiran **1 Ogos 2020 sehingga 31 Januari 2025** layak menerima vaksin MR ini.

27 Adakah vaksin MR ini akan diberikan secara percuma?

Ya, vaksin MR ini diberikan secara **PERCUMA** di semua klinik kesihatan di seluruh Malaysia.

28 Adakah vaksin MR ini wajib diambil oleh kanak-kanak?

Pengambilan vaksin ini adalah secara *voluntary* atau sukarela, tetapi KKM sangat menggalakkan kanak-kanak yang layak untuk mengambil vaksin ini.

29 Bagaimanakah saya ingin mendapatkan vaksin MR ini?

Vaksin ini boleh didapatkan melalui tempahan slot janji temu dengan menghubungi Klinik Kesihatan berdekatan anda atau melalui aplikasi MySejahtera.

30 Dimanakah saya boleh mendapatkan info lanjut mengenai vaksin MR ini?

Info lanjut boleh anda dapatkan melalui:

- 1) Laman sesawang yang mengandungi maklumat yang lebih tepat dan dipercayai seperti:
 - www.infosihat.gov.my
 - www.myhealth.gov.my
 - <https://immunise4life.my/>
 - <https://www.who.int/>
 - <https://www.cdc.gov/vaccines/vpd/mmr/public/index.html>
- 2) Media sosial rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia dan media sosial MyHealth
- 3) Buku terbitan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK), KKM:
 - Penyakit Cegahan Vaksin dan Imunisasi, 2019
 - Buku Panduan Menangani Ibu Bapa yang Ragu atau Menolak Vaksin, 2021.

**Hentikan Demam Campak,
Lindungi Anak Kita**